

**Stok Minyak Sawit Dijangka Terus Turun Dipacu Eksport Tinggi, Kata Rabobank Bernama**  
**15 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Stok minyak sawit yang susut 1.9 peratus bulan lepas dijangka meneruskan aliran menurunnya pada minggu-minggu akan datang, dirangsang oleh permintaan eksport yang tinggi, kata penyelidik pasaran komoditi Rabobank Agri.

"Kami percaya penurunan akan berterusan berdasarkan kepada unjuran harga suku pertama 2013 kami pada RM2,400 setan metrik.

"Bagaimanapun, kami tidak menjangka ia akan mengurangkan stok di bawah purata lima tahun. Kami mengekalkan jangkaan bahawa harga tahun ini kekal rendah tahun ke tahun," kata Rabobank dalam satu laporan penyelidikan.

Dalam bulan-bulan akan datang, pengeluaran minyak sawit yang perlahan, harga minyak sawit rendah dan pengurangan bekalan minyak sayuran alternatif dijangka membolehkan harga meningkat dalam suku kedua tahun ini.

Ia berkata syarat-syarat kualiti ketat oleh China yang berkuat kuasa Januari lepas, masih belum kelihatan menjadi halangan kepada eksport minyak sawit Malaysia ke negara itu yang meningkat 23 peratus tahun ke tahun kepada 268,000 tan metrik dan dijangka kekal kukuh kerana bekalan import minyak sayuran lain terhad.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=928170>